



SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

BILANGAN 4 TAHUN 2021

**SEMUA PEGAWAI PENGAWAL
NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

**POLISI PERAKAUNAN BAGI PEROLEHAN KERJA DAN PENGUBAHSUAIAN
BANGUNAN/PEJABAT YANG MELIBATKAN
PEMBELIAN ASETH**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada jabatan/PTJ berkaitan kaedah memperakaunkan perolehan kerja-kerja pembinaan bangunan kerajaan negeri dan kerja-kerja ubahsuai pejabat yang melibatkan **pembelian aset**.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pada masa kini **pembelian aset jabatan melalui perolehan kerja pembinaan bangunan kerajaan negeri dan kerja-kerja ubahsuai pejabat diakaunkan dibawah kod penyelenggaraan** (objek sebagai 28000 semasa proses penyediaan Daftar Kontrak dan Inden Kerja).
- 2.2 Disebabkan pembelian aset direkodkan dibawah kod 28000 menyebabkan aset-aset yang dibeli tidak dapat dilaporkan di dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman seperti ketetapan **Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS)**.

3. PENGASINGAN KOD AKAUN BAGI KOS PEMBINAAN/KOS PEMBAIKAN DAN KOS PEROLEHAN ASETH

- 3.1 Kos pembinaan dan kos pembaikan hendaklah diasingkan dengan kos perolehan aset. Ini selaras dengan ketetapan MPSAS 1 yang menghendaki aset dan perbelanjaan kos pembinaan dan kos pembaikan dilaporkan secara berasingan.

- 3.2 Kos perolehan aset hendaklah diperakaunkan secara berasingan mengikut pengelasan perakaunan sepetimana Pekeliling Kod Perbelanjaan
- 3.3 Kuantiti aset yang dibeli hendaklah dinyatakan **dengan jelas** semasa peringkat penyediaan **Daftar Kontrak dan Inden Kerja**. Ini bagi membolehkan aset didaftarkan dan diperakaun dengan tepat di dalam penyata Kewangan Kerajaan Negeri melalui **Modul Pengurusan Aset Dan Inventori (AIM)** di Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri Kedah (iSPEKS)..

4. KAEADAH PERAKAUNAN PEROLEHAN KERJA - PEMBINAAN BANGUNAN DAN KERJA-KERJA UBAHSUAI YANG MELIBATKAN PEMBELIAN ASET

- 4.1 Jabatan/PTJ hendaklah memastikan kaedah perakaunan tersebut dipatuhi semasa akaun dipertanggungkan dibuat di peringkat penyediaan daftar kontrak dan Inden Kerja;

4.1.1 Pembinaan Bangunan (Aset Dalam Pembinaan)

- (i) Aset dalam pembinaan hendaklah dipertanggungkan seperti berikut;

PERIHAL iSPEKS	KOD AKAUN iSPEKS
Aset Dalam Pembinaan	A2030000
Kelengkapan dan Peralatan	A1435000

- (ii) Setelah bangunan disiapkan dan *Certificate Of Practical Completion (CPC)* dikeluarkan, pelarasan jurnal hendaklah dibuat seperti berikut;

PERIHAL iSPEKS	KOD AKAUN iSPEKS
Debit Bangunan	A1432100
Kredit Aset Dalam Pembinaan	A2030000

4.1.2 Pembaikan Bangunan (Pembaikan Modal).

- (i) Pembaikan modal bermaksud pembaikan yang dilakukan untuk memperoleh aset modal atau meningkatkan keupayaan yang sedia ada, mengakibatkan lanjutan dalam tahun hayatnya.

Pembaikan modal bagi bangunan hendaklah dipertanggungkan seperti berikut;

PERIHAL iSPEKS	KOD AKAUN iSPEKS
Pembaikan bangunan	A2032000
Kelengkapan dan Peralatan	A1435000

4.1.3 Pembaikan Kecil dan Penyelenggaraan

Pembaikan Kecil dan Penyelenggaraan bermaksud kerja-kerja yang terlibat dalam proses pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan, kemudahan dan peralatan bagi memastikan ia berkeadaan baik, berfungsi dan selesa untuk digunakan.

PERIHAL iSPEKS	KOD AKAUN iSPEKS
Penyelenggaraan bangunan	B0228100
Kelengkapan dan Peralatan	B0228500

5. HAL-HAL LAIN

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman, Jabatan/PTJ boleh merujuk kepada pihak berikut:

Helpdesk Akruan

Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Kedah

Emel : helpdesk1spek@kedah.gov.my

No. Tel : 04-7027789/7790/7791/7847

6. TARIKH BERKUAT KUASA

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai pada tarikh ianya dikeluarkan.

7. PEMAKAIAN

Surat Pekeliling ini hendaklah diguna pakai oleh Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman dan perlu dirujuk bersama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS), Carta Akaun Akruan, Pekeliling Perbendaharaan Malaysia serta dokumen-dokumen lain berkaitan yang dikeluarkan oleh Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah.

8. PENUTUP

Jabatan/PTJ hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam surat pekeliling ini dipatuhi.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KEDAH SEJAHTERA-NIKMAT UNTUK SEMUA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ABDUL MAJID BIN SALLEH, (C.A.M))

Bendahari Negeri

b.p. Pegawai Kewangan Negeri

Kedah Darul Aman

s.k. Yang Berhormat Dato' Paduka Setiausaha Kerajaan
Negeri Kedah Darul Aman

YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri
Kedah Darul Aman

Pengarah Jabatan Audit Negeri Kedah Darul Aman.